

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OKTOBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 36

Malaysia miliki ramai pakar ekonomi

Negara sedang menaiki graf pertumbuhan ekonomi sihat

GUA MUSANG

Malaysia mempunyai ramai pakar ekonomi tempatan sebagai mekanisme sokongan dalam mengurus tadbir perjalanan ekonomi negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, pihak kerajaan turut mendapat khidmat pakar tempatan seperti tokoh korporat

dan pihak berkaitan serta wakil antarabangsa seperti Bank Dunia, United Nations Development Business (UNDB) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha memberi buah fikiran membantu memantapkan ekonomi negara dan mewujudkan

perancangan ekonomi berada di landasan yang terbaik.

"Negara kita ada agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Pejabat PBB, kita sentiasa berjumpa dengan mereka untuk meminta pandangan termasuklah dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan



MUSTAPA

universiti," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kuala Lumpur, di sini, malam Sabtu.

Beliau berkata demikian, susulan kenyataan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah yang mencadangkan supaya kerajaan melantik pakar

ekonomi dari luar bagi mengekang kejatuhan ringgit yang berlaku sejaknya kerajaan sendiri tidak mampu berbuat demikian.

Menurut beliau, barisan pakar ekonomi di dalam negara telahpun mencukupi, namun kerajaan tetap berusaha

memantapkan lagi perancangan meramandangkan tekanan ekonomi dirasai di peringkat global.

Mustapa berkata, sehingga hari ini negara sedang menaiki graf pertumbuhan ekonomi yang sihat meskipun dalam keadaan ekonomi yang sedang mencabar.

"Ada tanda-tanda bahawa ekonomi tahun ini tidak ada masalah daripada segi pertumbuhan. Dulu kadar pengangguran 5.3 peratus dan sekarang ini 3.7 peratus, jadi umumnya ekonomi kita semakin pulih tahun depan.

"Kita sedia maklum keadaan akan jadi mencabar, insya-Allah kita akan terus berinteraksi dan melakukan ibat urus dengan semua pihak," katanya. -Bernama

masalah daripada segi pertumbuhan. Dulu kadar pengangguran 5.3 peratus dan sekarang ini 3.7 peratus, jadi umumnya ekonomi kita semakin pulih tahun depan.

"Kita sedia maklum keadaan akan jadi mencabar, insya-Allah kita akan terus berinteraksi dan melakukan ibat urus dengan semua pihak," katanya. -Bernama



Ketika ini negara sedang mencatat graf pertumbuhan ekonomi yang sihat meskipun dalam keadaan yang sedang mencabar.